

HUJAH NOOR EMIRA

■ **Pendebat terbaik bahasa Inggeris
bercita-cita jadi pegawai diplomatik**

Asrizal Aris

asrizal.aris@hmetro.com.my

Perwatakannya yang lemah lembut dan ayu, jangan disangka sentiasa menurut saja pendapat atau teori yang diketengahkan orang lain, sebaliknya kenyataan itu boleh dibidas sekelip mata dengan fakta yang lebih tepat.

Berbekalkan ilmu undang undang ketika mengikuti program asasi prauniversiti dan pengalaman menjadi pendebat terbaik bahasa Inggeris, menjadikan penuntut Sarjana Muda Sains Sosial (Sains Politik) ini bukan calang-calang mahasiswa.

Gadis berasal dari Seremban, Negeri Sembilan ini juga seorang yang tetap pendirian dan tidak pernah menunjukkan kelemahan sebagai seorang wanita sehingga dilantik menjadi Presiden Sri-kandi Kebangsaan.

Lebih membanggakan, pelajar semester lima Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Noor Emira Khairaney Nor Asrad, 22, diberi peluang menjadi wakil pembahas mahasiswa di Perhimpunan Agung UMNO, baru-baru ini.

Noor Emira berkata, terpilih untuk membahaskan usul suara mahasiswa di



»INFO

■ **Nama:** Noor Emira Khairaney Nor Asrad

■ **Umur:** 22 tahun

■ **Tarikh Lahir:** 24 Ogos 1995

■ **Asal:** Seremban, Negeri Sembilan

■ **Pendidikan:** Program Sarjana Muda Sains Sosial (Sains Politik), UKM

■ **Hobi:** Memasak dan bermain catur

■ **Cita-cita:** Pegawai diplomatik

»PENCAPAIAN

■ **Ikon Mahasiswa Nasional 2016**

■ **Pendebat Terbaik Persidangan Mahasiswa Nasional (PEMANAS) 4.0**

■ **Yang Dipertua Dewan Parlimen Mahasiswa UKM**

■ **Speaker Majlis Perwakilan Pelajar 2016/2017**

hadapan ribuan pemimpin negara ketika itu disifatkan sebagai satu dalam sejuta peluang yang diberikan dalam hidup.

"Tidak dinafikan perasaan saya sebagai wakil mahasiswa negara ketika itu sangat gemuruh dan ia pengalaman berucap di hadapan khlayak ramai yang tidak akan dilupakan.

"Namun ada kenangan yang lebih manis sepanjang bergelar 'Budak U' iaitu saya diberi penghormatan sebagai wanita pertama dilantik Yang Dipertua Dewan Parlimen Mahasiswa UKM," kata anak bongsu daripada lapan beradik itu.

Menurutnya, memabitkan diri dalam debat ketika menuntut di Uni-

versiti Teknologi MARA (UTM) Shah Alam, sedikit sebanyak memberi keyakinan kepadanya untuk berhujah pendapat di hadapan orang ramai.

Kata Noor Emira, sikapnya yang suka membantah dengan spekulasi kurang tepat menyebabkan dia dipilih pensyarah serta rakan debat untuk bertanding di peringkat kebangsaan serta dinobatkan sebagai pendebat terbaik dalam Persidangan Mahasiswa Nasional (PEMANAS) 4.0.

"Bagaimanapun, disiplin sentiasa perlu diterapkan kerana ia faktor untuk saya membahagikan masa antara pelajaran dan aktiviti dalam serta luar universiti.

"Rakan juga berperanan dalam membantu mengulang kaji subjek yang tertinggal dengan mengadakan pembelajaran dalam kumpulan," katanya kepada Metro Ahad.

Menurut Noor Emira, dia suka mengisi masa lapang di rumah dengan memasak dan bermain catur, menyimpan hasrat menjadi ahli politik jika diberi peluang.

"Saya bukan dilahirkan dalam keluarga yang berlatar belakang ahli politik, tetapi andai ada platform untuk saya menjadi salah seorang dalam bidang itu, saya berusaha untuk mengubah politik yang lebih matang dalam negara ini.

"Selain itu, saya mahu mengubah persepsi masyarakat bahawa wanita bukan sentiasa ketinggalan di belakang lelaki kerana ada kalanya wanita perlu memainkan peranan penting di hadapan," katanya.

Menurutnya yang bercita-cita menjadi pegawai diplomatik, majoriti penduduk di dunia adalah golongan wanita dan kumpulan ini perlu diberi peluang untuk menentang kelebihan masing-masing dalam memacu kemajuan sesebuah negara.

Namun, anak bongsu kepada pasangan Nor Asrad Manap dan Noraini Ahmad itu bagaimanapun sentiasa merendah diri dan menghormati antara satu sama lain.



“**Saya mahu mengubah persepsi masyarakat bahawa wanita bukan sentiasa ketinggalan di belakang lelaki kerana adakalanya wanita perlu memainkan peranan penting di hadapan**”

Noor Emira Khairaney Nor Asrad